

Penyeragaman hukum ibadah haji elak kekeliruan: Jamil Khir

LANGKAWI: Penyeragaman hukum-hukum berkaitan ibadat haji dan umrah penting bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan jemaah, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata pelbagai sumber hukum mudah diperolehi di Internet melalui laman-laman sosial, namun kesahihannya belum boleh ditentukan dan interpretasi yang berbeza boleh memberi kesan kepada pelaksanaan ibadat haji.

"Perlu memiliki kesepakatan sebab (hukum) boleh dirujuk kepada pelbagai kitab, boleh tengok dalam pelbagai media baru seperti facebook dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan amanat pada majlis muzakarah Haji peringkat kebangsaan kali ke-28 di sini, kelmarin.

Sehubungan itu, katanya, muzakarah anjuran Tabung Haji ini boleh dijadikan platform untuk para pembimbing jemaah haji melengkapkan diri dengan ilmu untuk meningkatkan keberkesanan ibadat haji. - Bernama